

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]
TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Rushdan Bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah gerabak penumpang ETS oleh kerana permintaan pengguna ETS semakin meningkat terutamanya penumpang yang ingin ke Perlis bersempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan ETS masa ini menyediakan sebanyak 32 perkhidmatan sehari termasuk 10 perkhidmatan ETS laluan dari dan ke Padang Besar. Terdapat dua stesen untuk perkhidmatan ETS di Perlis, iaitu Padang Besar dan Arau.
2. Untuk memenuhi permintaan yang baik daripada penumpang ETS, Kementerian Pengangkutan telah membuat perolehan sepuluh set tren elektrik 6-koc baharu sebagai tambahan kepada 24 set tren elektrik yang kini digunakan untuk operasi perkhidmatan ETS. Set tren elektrik baharu tersebut dijadualkan akan digunakan untuk operasi perkhidmatan ETS secara berperingkat mulai awal tahun 2025.
3. Jumlah penumpang tren ETS bagi tahun 2023 adalah sebanyak 4,115,242 penumpang setahun. Di Perlis, Stesen Padang Besar telah mencatatkan 347,894 penumpang manakala Stesen Arau telah mencatatkan 231,896 penumpang.
4. Jumlah perkhidmatan tren ETS bagi tahun 2023 adalah sebanyak 32 trip sehari. Dengan penambahan 10 set ETS yang baharu, adalah dijangkakan sehingga 64 trip sehari boleh dilaksanakan. Jumlah penumpang juga dijangka meningkat kepada 7,547,565 setahun apabila semua set tren elektrik beroperasi.
5. Selain perkhidmatan berkala ETS, KTMB juga menyokong inisiatif pelancongan dengan menawarkan perkhidmatan tren yang disewa khas berdasarkan permintaan.
6. Kementerian Pengangkutan sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis dalam memantapkan jaringan pengangkutan awam untuk menyokong ekonomi pelancongan.

Sekian, terima kasih.